

22/10/1998

NPL dijangka menurun

PENGKELASAN semula pinjaman tidak berbayar (NPL) oleh Bank Negara daripada tiga bulan kepada enam bulan baru-baru ini, dijangka menurunkan NPL institusi kewangan kepada RM40.8 bilion, berbanding RM66.8 bilion pada akhir Ogos lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan Pertama berkata, penurunan NPL itu adalah sebahagian daripada kesan positif langkah kawalan modal yang dilaksanakan kerajaan.

Menurutnya, pada amnya langkah kawalan modal itu dilaksanakan bagi melindungi ekonomi negara daripada ketidakstabilan aliran modal jangka pendek dan spekulasi mata wang serta mewujudkan suasana menggalakkan bagi memulihkan keyakinan pelabur dan pengguna.

Beliau berkata, ini kerana pelaksanaannya mendatangkan beberapa manfaat kepada sistem kewangan negara.

Dr Mahathir berkata, pertamanya, kadar pertukaran yang ditetapkan pada AS\$0.2632 bagi setiap RM1 memberikan kepastian kepada pasaran pertukaran mata wang asing.

"Kestabilan kadar pertukaran ringgit itu memudahkan perdagangan luar negara dan mengelakkan risiko turun naik kadar pertukaran," katanya dalam jawapan bertulis hari ini.

Dr Mahathir berkata, perlaksanaan langkah itu juga membolehkan kerajaan melaksanakan dasar yang lebih positif untuk kebaikan negara seperti menurunkan kadar faedah, menyuntik mudah tunai ke dalam sistem perbankan serta memperbaiki proses perantaraan untuk pemulihan ekonomi.

"Hasilnya, kadar purata berian pinjaman asas (BLR) jatuh kepada 8.5 peratus, jumlah dana di dalam sistem perbankan meningkat, manakala pengkelasan semula NPL menurunkan NPL sistem perbankan kepada RM40.8 bilion pada akhir Ogos," katanya.

Beliau berkata, manfaat ketiga ialah kepada pasaran saham yang semua indeks harga saham mencatatkan prestasi yang semakin baik.

Perdana Menteri berkata, pada 16 Oktober lalu, Indeks Komposit Kuala Lumpur dan Indeks Papan Kedua masing-masing meningkat sebanyak 30.8 peratus dan 31 peratus berbanding akhir Ogos lalu.

Menurutnya, Rizab Luar Negeri Bank Negara juga meningkat sebanyak AS\$1.2 bilion dari akhir Ogos kepada AS\$22.4 bilion pada akhir September lalu, mencukupi bagi membiayai 3.7 bulan import tertangguh.

(END)